



MyGDI

NEWSLETTER

EDISI
1/2019

www.mygeoportal.gov.my

facebook.com/mygeoportal

KANDUNGAN

LAWATAN DAN PERBINCANGAN BERSAMA AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA (NADMA MALAYSIA) **Halaman 1**

LAWATAN DAN PERBINCANGAN POTENSI KERJASAMA DENGAN JABATAN BEKALAN AIR **Halaman 2**

LAWATAN SAMBIL BELAJAR DARI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA **Halaman 3**

JOM SUMBANGKAN ARTIKEL ATAU LAPORAN BERGAMBAR AKTIVITI GEOSPATIAL ANDA! **Halaman 4**

LAWATAN DAN PERBINCANGAN BERSAMA AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA (NADMA MALAYSIA)



PUTRAJAYA, 14 Jan. - Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA Malaysia), Jabatan Perdana Menteri adalah agensi yang bertanggungjawab menyelaraskan agensi-agensi kerajaan yang terlibat dengan penguatkuasaan bencana, merancang dan melaksana bantuan bencana negara supaya ianya dapat diurus dengan lebih cekap, berkesan serta sampai ke segenap lapisan masyarakat khususnya kepada mangsa bencana.

Selari dengan peranan ini, NADMA Malaysia bersama Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) telah menjalankan inisiatif untuk menyediakan Peta Risiko Bencana Negara. Peta ini dijangka dapat membantu meningkatkan kecekapan proses penyampaian maklumat dan akan dibantu oleh kementerian serta agensi teknikal yang berkaitan.

Dalam masa sama, MaCGDI juga telah bersetuju untuk berbincang dengan NADMA Malaysia mengenai fungsi platform Malaysia Geospacial Online Services (MyGOS) untuk menyokong Peta Risiko Bencana Negara. Sehubungan dengan itu, lawatan kerja ini membolehkan perbincangan secara lebih lanjut diadakan mengenai potensi platform MyGOS dan platform-platform MyGDI lain.

Delegasi NADMA Malaysia diketuai oleh YBhg. Datuk Khairul Shahril bin Idrus, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan dan Persediaan Bencana). Turut hadir ialah seramai enam (6) orang Pegawai NADMA Malaysia yang lain.

Puan Abrizah binti Abdul Aziz selaku Pengarah MaCGDI, berterima kasih kepada delegasi lawatan kerja ini dan turut berharap agar kerjasama antara kedua-dua pihak berjaya dicapai sejajar dengan objektif untuk menghasilkan Peta Risiko Bencana Negara.

LAWATAN DAN PERBINCANGAN POTENSI KERJASAMA DENGAN JABATAN BEKALAN AIR



PUTRAJAYA, 22 Jan. - MaCGDI telah menerima lawatan kerja dari Jabatan Bekalan Air (JBA) bagi tujuan perbincangan potensi kerjasama di antara kedua-dua pihak. JBA merupakan salah satu Jabatan yang sebelum ini bernaung di bawah Kementerian Tenaga Teknologi Hijau Dan Air (KeTTHA). Pembentukan Kerajaan Baharu pada tahun 2018 telah menggabungkan semula Jabatan sektor air di bawah KeTTHA termasuk JBA bersama Jabatan-jabatan di bawah NRE menjadi satu Kementerian yang kini dijenamakan sebagai Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS).

Seterusnya, JBA telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan lawatan kerja ke MaCGDI yang bertanggungjawab menyelaras Program MyGDI dan telah banyak menjayakan kolaboratif antara agensi dalam pembangunan aplikasi geospasial.

Selain itu, lawatan kerja ini juga bertujuan untuk memberi cetusan idea kepada JBA berkaitan bidang geospasial yang boleh membantu melaksanakan misi Jabatan ini menguruskan perkhidmatan penyediaan infrastruktur sumber bekalan air secara efektif dan inovatif.

Delegasi lawatan kerja ini telah diketuai oleh Ir. Haji Abu Harith bin Haji Shamsuddin, Timbalan Ketua Pengarah JBA. Turut hadir sama ialah seramai lima (5) orang pegawai kanan JBA. MaCGDI turut mengadakan sesi perkongsian mengenai MaCGDI dan Program MyGDI serta taklimat aplikasi yang telah berjaya dibangunkan.

Puan Abrizah binti Abdul Aziz selaku Pengarah MaCGDI, mengucapkan terima kasih kepada kunjungan delegasi lawatan kerja ini dan berharap kerjasama lain akan diteruskan dengan sesi khidmat runding serta pembangunan aplikasi geospasial JBA.

Visi JBA adalah cemerlang dalam menyediakan infrastruktur bekalan air berkualiti dan mampan bagi memenuhi keperluan rakyat dan pembangunan negara. Sumber: <http://www.kats.gov.my/ms-my/mengenaikats/jba/Pages/default.aspx>

LAWATAN SAMBIL BELAJAR DARI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



PUTRAJAYA, 7 Mac - MaCGDI telah menerima lawatan sambil belajar dari pelajar-pelajar tahun empat (4) Program Sarjana Muda Sains (Geoinformatik), Fakulti Alam Bina dan Ukur, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Para pelajar ini telah diiringi oleh YBrs. Dr. Mohammad Zakri bin Tarmidi selaku Pensyarah Kanan Fakulti.

Lawatan sambil belajar ini dibuat bagi menjayakan salah satu program anjuran UTM iaitu *Stakeholders Outreach Program*. Program ini bertujuan membawa para pelajar dengan lebih dekat kepada agensi serta pemain-pemain industri berkaitan ilmu yang sedang dipelajari. Melalui program ini juga para pelajar turut diberi pendedahan mengenai peluang - peluang pekerjaan yang ada di agensi atau industri memandangkan mereka ini berada di tahun akhir pengajian dan akan bersaing untuk mencari pekerjaan.

Semasa sesi lawatan ini, para pelajar diberi penerangan mengenai pengenalan kepada MaCGDI dan Program MyGDI serta taklimat aplikasi-aplikasi MaCGDI yang telah dibangunkan. Antara aplikasi yang dapat dikongsikan ialah aplikasi MyGeoMap dan MyGOS. Selain itu, mereka turut dijelaskan dengan prosedur permohonan data geospasial di MaCGDI. Secara keseluruhannya, para pelajar ini telah mendapat satu pengalaman baharu dengan lawatan ini dan maklum balas yang diberikan turut menjadi penanda aras bahawa mereka sangat berminat dengan maklumat geospasial yang telah dikongsikan.

Puan Abrizah binti Abdul Aziz selaku Pengarah MaCGDI, melahirkan rasa gembira dengan kunjungan delegasi lawatan sambil belajar ini dan mengucapkan selamat maju jaya kepada pengajian ijazah pertama para pelajar yang bakal tamat pada tahun ini.

Program Sarjana Muda Sains (Geoinformatik) bertujuan untuk melahirkan golongan profesional yang berkemampuan menggunakan teknologi maklumat (IT) untuk mengendalikan maklumat geospasial yang boleh membawa faedah kepada ekonomi, sosial dan pembangunan fizikal negara. Sejak penubuhannya, seramai 556 orang graduan telah berjaya dihasilkan oleh UTM.

Sumber: <http://coursefinder.utm.my/project/bachelor-of-science-geoinformatics/>.

JOM SUMBANGKAN ARTIKEL ATAU LAPORAN BERGAMBAR AKTIVITI GEOSPATIAL ANDA!



Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI) akan menerbitkan satu Buletin Geospasial Sektor Awam (BGSA) bagi tahun 2019. Buletin ini adalah salah satu penerbitan yang mengandungi perkembangan MyGDI dan aktiviti-aktiviti geospasial di seluruh negara. Justeru, sidang pengarang BGSA amat mengalu-alukan penghantaran artikel teknikal dan laporan bergambar aktiviti geospasial yang berlaku di agensi atau organisasi anda. Artikel teknikal atau laporan bergambar yang berjaya dipilih oleh sidang pengarang akan dimasukkan sebagai salah satu kandungan di dalam penerbitan BGSA 2019. Jadi, apa tunggu lagi? Jangan lepaskan peluang ini!

PANDUAN UMUM UNTUK PENULIS:

- Penghantaran boleh ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
- Setiap artikel teknikal perlu mempunyai abstrak dan perlu ditulis dengan huruf condong (*italic*).
- Format-format lain adalah seperti berikut:
 - Jenis huruf (*font*) : Arial
 - Saiz huruf bagi tajuk : 12
 - Saiz huruf : 10
 - Langkau (*spacing*) : *Single*
 - *Margin* : Atas, bawah, kiri dan kanan ialah 2.5 cm
 - Justifikasi teks : Kiri
 - Lajur (*column*) : Satu lajur setiap muka surat
- Sumbangan hendaklah dikemukakan dalam bentuk softcopy dalam format **Microsoft Word**.
- Semua imej grafik hendaklah dalam format **.tif** atau **.jpg** dengan resolusi tidak kurang daripada 150 d.p.i.
- Segala pertanyaan dan sumbangan hendaklah menyatakan **Untuk Perhatian: Sekretariat Buletin Geospasial Sektor Awam, MaCGDI** dan menggunakan alamat yang tertera seperti di bawah.

Diterbitkan oleh:

PUSAT INFRASTRUKTUR DATA GEOSPATIAL NEGARA (MaCGDI)
 KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI (KATS)
 ARAS 7 & 8, WISMA SUMBER ASLI
 NO. 25, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
 PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
 62574 PUTRAJAYA.



TEL: 03 - 8886 1156
 FAKS: 03 - 8889 4851
 LAMAN WEB: www.mygeoportal.gov.my



KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN
 SUMBER ASLI